

19 AUG 2000

Khir-reaksi

PELANTIKAN DR MOHAMAD KHIR DAPAT REAKSI POSITIF

KUALA LUMPUR, 19 Ogos (Bernama) -- Pelantikan Dr Mohamad Khir Toyo sebagai Menteri Besar Selangor terus mendapat reaksi positif dengan kebanyakan pemimpin politik menyifatkan penonjolan seorang pemimpin muda satu langkah bijak bagi menghadapi cabaran masa depan.

Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Umno melihat jauh ke hadapan untuk melantik anggota dewan undangan Sungai Panjang yang berusia 35 tahun itu sebagai Menteri Besar.

"Apa yang dilihat oleh Presiden parti jauh ke hadapan supaya proses pembangunan dapat berjalan berterusan kerana kedudukan Selangor sebagai negeri yang penting dan mempunyai strategi untuk negara dalam meneruskan kesinambungan pembangunan bukan sahaja untuk negeri tetapi juga negara," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Karnival Jubli Emas UMNO cawangan Jalan Hatim di Padang Kota Lama di Pulau Pinang.

Muhyiddin berkata pelantikan seorang lagi Naib Presiden Umno dan bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Taib sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri akan dapat membantu Dr Mohamad Khir menjalankan tugas mentadbir negeri itu.

Pelantikan Dr Mohamad Khir diumumkan semalam untuk menggantikan Datuk Seri Abu Hassan Omar yang meletakkan jawatan pada Khamis kerana alasan kesihatan.

Di LANGKAWI, Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata pelantikan Dr Mohamad Khir menunjukkan satu perubahan yang baik dalam pemilihan pemimpin di masa depan.

Beliau berkata bahawa pelantikan Dr Mohamad Khir menunjukkan pandangan jauh Dr Mahathir dalam memilih pemimpin yang boleh bekerja dan memberi sumbangan kepada parti dan negara.

"Pemilihan pemimpin seperti ini juga akan berlaku di negeri-negeri lain di masa depan walaupun seseorang itu masih muda kerana apa yang penting ialah mereka boleh bekerja untuk mencapai wawasan pimpinan negara," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Kebangsaan Era Ledakan Maklumat dan Fenomena Langit Terbuka.

Parti Gerakan pula menyifatkan pelantikan Dr Mohamad Khir sebagai satu perubahan aliran.

Presidennya Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata ini kerana kriteria pemilihan itu lebih mengutamakan seorang pemimpin muda yang berpengetahuan dan berpendidikan tinggi untuk memimpin negeri Selangor ke arah pembangunan lebih pesat.

"Parti Gerakan mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana memilih seorang pemimpin muda yang semestinya mempunyai ide baru untuk menghadapi cabaran dalam memimpin Selangor," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pusat Khidmat Kawasan Anggota Dewan Undangan Bayan Lepas di Pulau Pinang.

Beliau berkata, pemilihan itu juga bermaksud bahawa Perdana Menteri telah memberi harapan baru kepada pemimpin muda untuk memimpin dengan penuh bertenaga dan semangat kuat.

"Ini menunjukkan Barisan Nasional menyedari kehendak kebanyakan rakyat khususnya golongan muda untuk memimpin, tetapi ia tidak bermaksud bahawa pemimpin generasi lama tidak lagi boleh berkhidmat kepada rakyat," katanya.

Di KOTA BAHARU, Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat turut menyambut baik pelantikan Dr Mohamad Khir yang sebelum ini tidak pernah disebut-sebut sebagai Menteri Besar Selangor.

"Lebih baik kita lantik orang yang tidak disebut-sebut supaya semangat rebut-merebut tidak berlaku," katanya kepada pemberita.

Nik Aziz berkata orang politik tidak harus mengamalkan budaya berebut

untuk mendapatkan sesuatu jawatan umpamanya jawatan menteri besar kerana kuasa melantik itu berada di tangan orang lain yang lebih berkuasa.

Beliau berharap pelantikan Dr Mohamad Khir dapat memenuhi kehendak pentadbiran masa kini yang penuh dengan cabaran.

-- BERNAMA

BD MAI